



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Jumaat, Oktober 28, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Bapa terharu terima ijazah bagi pihak anaknya yang meninggal

Oleh Azman Zakaria
Foto oleh Marina Ismail



SERDANG, 22 Okt: "Walaupun anak saya sudah tiada dan tidak menikmati detik-detik konvokesyen, tetapi hakikatnya beliau telah mengembirakan kami sekeluarga.

"Saya amat terharu dengan kejayaannya mendapat ijazah master."

Demikian kata-kata Zulkeply Harun, 60, bapa kepada Maizulina, 33, pelajar yang meninggal dunia 18 Oktober lalu, lima hari sebelum Majlis Konvokesyen ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM), hari ini.

Maizulina yang memperoleh Master Sains (Komunikasi Kemanusiaan) meninggal dunia di rumahnya di Seremban, Negeri Sembilan akibat leukimia.

Zulkeply bersama isteri, Maimunah Abdul Samad, 59, dan anak-anak mereka yang lain, hari ini datang ke majlis konvokesyen UPM dan menerima ijazah Master Sains anaknya itu daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Tuanku Canselor UPM.

Zulkeply, pesara tentera berkata Maizulina mula dikesan menghidap penyakit beberapa hari selepas Hari Raya Haji pada pertengahan September lalu apabila beberapa helai rambutnya tercabut serentak ketika ditarik untuk menghilangkan angin di kepala.

"Arwah selepas itu sering lemah dan mukanya pucat. Kami awalnya membawanya ke klinik di Seremban sebelum membawanya untuk pemeriksaan di Hospital Shah Alam. Pemeriksaan darah mendapati beliau menghidap leukimia," katanya.

Menurutnya, sebelum daripada itu, Maizulina tidak menunjukkan sebarang tanda menghidap penyakit.

"Pada awalnya Maizulina mahu menghadiri majlis konvokesyen tetapi pada Jumaat minggu lalu (14 Oktober) mengambil keputusan tidak hadir kerana mengetahui dirinya tidak sihat. Adiknya (Maizulaikah) datang ke UPM menghantar borang yang diisi Maizulina itu untuk memaklumkan ketidak hadirannya itu," katanya.

Katanya, Maizulina, anak kedua daripada lima beradik bercita-cita untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Kedokteran (PhD).

"Ini semua ketentuan Allah," katanya sambil melahirkan penghargaan kepada UPM yang menguruskan pengijazahan anaknya itu hari ini dan dapat bertemu dengan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Maimunah pula berkata, beliau terharu dan berbangga dengan kejayaan anaknya itu kerana gigih belajar walaupun turut menjaga dirinya (Maimunah) yang susah bergerak akibat sakit saraf. - UPM

